

**TEKS UCAPAN YB MENTERI SEMPENA  
MAJLIS DIALOG TN50 & EKSPRESI NEGARAKU  
PERINGKAT KEMENTERIAN DAN PERHIMPUNAN BULANAN  
2 MEI 2017**

YB. Datuk YB Datuk Ab Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan.

YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar).

YBhg. Dato' Chua Kok Ching, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).

Setiausaha-Setiausaha Bahagian/ Ketua-ketua Jabatan/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

Salam Sejahtera

Salam 1Malaysia

Salam Negaraku Malaysia

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian datuk/datin/tuan/puan menghadiri majlis ini;

Terima kasih juga kepada pihak pengajur Majlis Dialog TN50 & Ekspresi Negaraku Peringkat Kementerian Sempena Perhimpunan Bulanan 1MOT Bagi Bulan Mei 2017.

**PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA 2050 (TN50)**

1. TN50 telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 adalah merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan Wawasan 2020. Ini bertujuan supaya Kerajaan dapat menyediakan hala tuju negara dalam tempoh 30 tahun akan datang. Pendekatan TN50 yang sedang dilaksanakan adalah melalui **kaedah ‘bottom-up’ yang mengumpul input**,

pandangan serta maklum balas daripada rakyat khususnya golongan belia. Objektifnya adalah untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang memenuhi aspirasi penduduknya.

2. Dalam melaksanakan '**engagement**' yang berkesan dengan **golongan belia**, pelbagai inisiatif dan program di bawah jenama TN50 telah dirangka, diatur dan sedang dilaksanakan di seluruh negara oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ini bertujuan untuk mendekati dan mendampingi generasi muda Malaysia dari segenap lapisan dan latar belakang di seluruh pelusuk tanah air bagi memperoleh aspirasi, idea dan pandangan mereka.
3. Dalam memastikan pembentukan sebuah rekod aspirasi Malaysia yang meluas liputannya dan merangsang pemikiran, ekspresi dan pendampingan rakyat terhadap masa depan jangka panjang, program dan inisiatif yang dirancang dibawa terus kepada golongan belia melalui penganjuran siri jelajah dialog, program, perbincangan, percambahan minda dan aktiviti ke seluruh negara. Program ini dilaksanakan secara **kerjasama 'blue ocean strategy' dengan rakan-rakan strategik** seperti organisasi Kerajaan seperti Kementerian-kementerian, Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat negeri, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan organisasi korporat termasuk GLC.

YBhg. Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

## DIALOG PERDANA TN50 OLEH YAB PERDANA MENTERI

4. Dalam majlis Dialog Perdana TN50 yang diadakan pada 19 Januari 2017 di Universiti Malaya, YAB Perdana Menteri menekankan bahawa, **dasar jangka panjang TN50 akan dirangka berdasarkan aspirasi generasi muda** hari ini, bagaimana mereka mahu melihat Malaysia dalam tempoh tiga dekad akan datang menerusi pendekatan berpaksikan akar umbi. Segala pandangan, input dan isi hati seluruh lapisan rakyat baru akan dikumpulkan dan dijadikan sebagai visi TN50.

5. Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri menyatakan pendekatan tersebut dipilih kerana beliau mahukan TN50 yang menjadi **kesinambungan kepada dasar 30 tahun** terdahulu adalah merupakan visi rakyat kerana masa depan negara milik generasi muda hari ini.
6. Sesungguhnya perjalanan panjang Malaysia untuk berada pada kedudukan hari ini, sebab itu, hasrat untuk melihat Malaysia yang jauh lebih baik dalam pelbagai aspek mampu dicapai menerusi perancangan berkesan dan ia telah dibuktikan. Sebagai contoh bagaimana pembinaan transit aliran massa (MRT), kata Perdana Menteri, enam tahun lalu ia masih di atas kertas tetapi lihatlah hari ini projek itu sudah menjadi kenyataan dengan Julai ini akan lengkap jajaran Sungai Buloh-Kajang. Sebab itulah, ini semua dalam kemampuan kita, sebagai sebuah negara kita boleh melakukan semua ini kalau kita mendokong visi ini. Perdana Menteri yang turut berkongsi aspirasi supaya **ekonomi Malaysia mencapai 2 trilion** daripada 1.3 trilion dalam masa lapan tahun dan untuk melihat Malaysia berada dalam **ranking 20 teratas dalam beberapa indeks pada 2050**.

## INISIATIF NEGARAKU

7. Inisiatif ini ditujukan kepada semua rakyat Malaysia supaya sentiasa bersatu hati, bertunjukkan semangat cintakan Malaysia. Program Negaraku ini dirancang bagi menyemai rasa bangga dan semangat cintakan Malaysia. Istilah “Negaraku” pula dipilih berdasarkan sifat nostalgia dan patriotik di dalam menaikkan semangat cintakan negara kita. Seperti kita tahu, ungkapan “Negaraku” adalah mudah difahami dan dihormati oleh setiap rakyat, tanpa mengira apa juu Bahasa yang digunakan.
8. Kementerian Pengangkutan turut menyokong inisiatif ini dan akan berusaha menyampaikan mesej inisiatif Negaraku, dan akan menyerapkannya dalam pelbagai saluran komunikasi yang ada.
9. Inisiatif Negaraku mempunya 5 tiang utama iaitu **ekspresi Negaraku, Visi Negaraku, Cerita Negaraku, Seni Negaraku dan Negaraku Prihatin.**

- i. Ekspresi Negaraku – menyemarakkan semangat kebanggaan, kecintaan dan aspirasi tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia;
  - ii. Visi Negaraku – penglibatan rakyat dalam mengukur aspirasi Malaysia dalam menuju TN50;
  - iii. Cerita Negaraku – penggunaan media digital dan massa sebagai platform bagi memaparkan kisah-kisah anak Malaysia dalam mencetus semangat patriotik, rasa bangga terhadap negara dan menyemai sifat menjadi anak Malaysia yang lebih baik;
  - iv. Seni Negaraku – diaktifkan melalui pelbagai program berdasarkan Seni dan Budaya Malaysia yang bertujuan mengekspresikan semangat cintakan Malaysia dalam bidang kesenian; dan
  - v. Negaraku Prihatin – memupuk nilai prihatin dalam kalangan rakyat Malaysia dan memastikan tiada yang ketinggalan dalam kemajuan Negara.
10. Mesej Utama Negaraku
- i. **Semangat Cintakan Malaysia** – Malaysia Abadi dalam hati kita semua;
  - ii. **Sejarah Menyatukan Kita** – Wira-wira generasi lampau telah berjuang dan berkorban untuk membentuk jiwa anak Malaysia pada hari ini. Kehidupan yang kita nikmati hari ini adalah hasil kerjasama rakyat Malaysia; dan
  - iii. **Malaysia Milik Kita Semua** – sebagai rakyat Malaysia – kecemerlangan kita paling terserlah apabila bersatu sebagai satu bangsa kerana Malaysia milik kita bersama, dan tiada sesiapa yang ditinggalkan dalam langkah menuju masa hadapan.

YBhg Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

### **MOT MENYOKONG TRANSFORMASI NEGARA 2050 (TN50)**

11. Baru-baru ini saya sama-sama terlibat dalam memberi bantuan sokongan bagi inisiatif yang dikendalikan KBS selaku Sekretariat TN50 dalam penganjuran **perkongsian Transformasi Nasional 2050 (TN50)**

**dengan pelajar Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.** Mereka berkongsi aspirasi dengan saya dan juga Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin. Mereka menimbulkan pelbagai usul dan cadangan antaranya kebimbangan mengenai kemampuan memiliki rumah, peningkatan inflasi, kemiskinan di Sabah, pendidikan dan alam sekitar untuk identiti Malaysia. Sambutan seperti ini adalah digalakkan supaya aspirasi seperti ini dapat dimuatkan di dalam Dasar Transformasi Negara 2050 (TN50).

12. Kementerian Pengangkutan **menyokong penuh program TN50** dan akan bersama-sama terlibat dengan usaha untuk menjana pandangan serta penglibatan positif dan konstruktif melalui media sosial dan saluran lain. Kementerian juga akan mengenalpasti aspirasi para belia serta bidang yang ingin ditransformasi serta menggalakkan perkongsian aspirasi melalui pelbagai inisiatif pendampingan.

YBhg Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

## **CABARAN SEKTOR PENGANGKUTAN**

13. Kementerian Pengangkutan telah mengenalpasti pelbagai cabaran dan perubahan yang perlu diberi perhatian dalam menjayakan TN50. dalam industri pengangkutan, antaranya:
  - i. Negara dijangka mempunyai populasi warga tua (**ageing population**) yang lebih besar. Perubahan demografi ini memerlukan kita memikirkan semula strategi pengangkutan masa depan untuk memastikan warga tua atau warga emas kekal aktif dan bebas dan mudah bergerak;
  - ii. **Proses pembandaran (*urbanisation*) yang pesat** juga mendesak sistem pengangkutan dibandar dirancang dan diurus dengan berkesan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dibandar dengan memanfaatkan teknologi terkini bagi menyokong pembangunan bandar yang inklusif, mampan dan sejahtera untuk dihuni. *High Speed Rail (HSR)* yang boleh mencapai kelajuan

- melebihi 200km per jam akan menjadi pilihan pengangkutan antara bandar yang utama manakala bagi pengangkutan darat dalam bandar, MRT/LRT dijangka menjadi pilihan utama dengan penawaran perkhidmatan tren setiap 3 minit;
- iii. Kemajuan dalam **teknologi** maklumat dan telefon bimbit memberi perubahan yang besar dalam industri pengangkutan. Kemajuan ini membolehkan pengguna bebas membuat pilihan perjalanan. Pengguna juga mempunyai pilihan bagaimana dan bila mereka hendak melakukan perjalanan dan bebas memilih perkhidmatan pengangkutan yang mereka mahukan seperti pada masa kini, kita telah ditawarkan perkhidmatan *ride sharing*, *e-hailing* seperti UBER dan Grab car dan pada masa hadapan kita boleh menjangkakan *bicycle/motorcycle* dan *car-sharing*;
  - iv. Penggunaan sistem **e-commerce** semakin popular dan akan merubah sistem penghantaran barang dan membolehkan barang di hantar terus ke kediaman pengguna. Ini memerlukan sistem logistik yang efisyen dan disokong oleh sistem pengangkutan yang lebih fleksibel, lancar dan bebas pilihan;
  - v. Inovasi teknologi juga memberi impak yang besar dalam industri pengangkutan. **Intelligent transport infrastructure** misalnya memboleh sistem pengangkutan diuruskan dengan lebih efisyen dan efektif. *Intelligent transport infrastructure* juga membolehkan komunikasi masa sebenar (*realtime communication*) antara kenderaan dapat dihubungkan dan ini membolehkan maklumat aliran trafik dikongsi diantara pengguna jalanraya dan memudahkan pengguna jalanraya; dan
  - vi. Penggunaan **kenderan tanpa pemandu atau autonomous vehicle** dijangka akan menguasai pasaran kenderaan. Kajian yang dijalankan menunjukkan kenderaan ini terbukti boleh mengurangkan kematian dan kecederaan yang dikaitkan dengan kemalangan jalanraya, kesesakan lalulintas dan memudahkan mobiliti golongan kurang upaya OKU mahupun warga emas.

- Kenderaan ini juga dijangka menembusi pasaran kenderaan barang yang akan merubah model perniagaan industri ini;
- vii. Kesesakan jalanraya merupakan masalah utama di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan lain-lain. Justeru, **pengangkutan berdasarkan rel** akan diperluaskan penggunaannya bagi memastikan keselamatan pengguna jalanraya lebih terjamin.

YBhg Datuk/ Datin/Tuan/Puan,

## INISIATIF PENGUMPULAN ASPIRASI TN50 SEKTOR PENGANGKUTAN

14. Selaras dengan perkara ini, Kementerian telah membangunkan **portal TN50** Kementerian Pengangkutan iaitu *THE FUTURE OF TRANSPORT SYSTEM (MyTransport)* sebagai medan untuk mengumpul idea, pendapat, cadangan, komen dan maklum balas daripada para belia melalui ruangan khusus di dalam laman web sebagai komitmen Kementerian ini bagi menyahut sasaran penyertaan belia sebanyak 1.5 juta orang pada tahun 2017. Melalui kaedah ini, pandangan generasi muda Malaysia akan dikumpul, dianalisa dan dibanding dengan perspektif luaran.
15. Melalui portal TN50 di laman web ini, semua pihak **dijemput berkongsi aspirasi dan idea** dalam merevolusi serta meneroka sistem pengangkutan masa hadapan yang diinginkan.
16. Saya percaya sebahagian besar warga Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi serta dan Jabatan dibawah Kementerian adalah golongan belia. Saya amat mengalu-alukan pandangan dan aspirasi dari semua warga Kementerian dalam menjayakan TN50 dan Ekspresi Negaraku ini. Seluruh generasi muda perlu memberi pandangan menerusi dialog TN50 yang dikendalikan kerana TN50 adalah milik anda dan usaha membentuk masa depan ini perlu keterlibatan semua.

17. **Zahirkanlah dan suarakanlah aspirasi, idea dan pandangan anda melalui portal ini dan juga di atas kanvas aspirasi TN50 dan juga ekspresi Negaraku yang disediakan.**
18. Selepas ini juga akan diadakan sesi interaktif bersama warga Kementerian dan agensi yang ingin berkongsi aspirasi, idea dan pandangan.

Dipersilakan.